

26/12/1998

Langkah berani selamatkan ekonomi negara

SELEPAS Malaysia memeranjatkan dunia dengan mengumumkan langkah drastiknya untuk mengenakan kawalan tukaran asing secara berpilih pada 1 September lalu, bermacam-macam kritikan pedih diterima. Antara yang terbaru ialah rencana dalam akhbar antarabangsa International Herald Tribune yang tidak segan silu memutarbelitkan maklumat dan dalam beberapa hal menggunakan maklumat tidak tepat, semata-mata untuk menidakkan segala usaha dilaksanakan kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara.

Lebih tidak berasas lagi adalah laporan sebuah firma broker saham Perancis yang begitu marah dengan Malaysia berikutan pengenalan kawalan tukaran asingnya, hingga mengisytiharkan Pakistan adalah destinasi pelaburan lebih baik berbanding Malaysia. Kesimpulan itu semata-mata berasaskan Malaysia mengenakan sekatan setahun bagi pelabur portfolio asing untuk membawa keluar pelaburan prinsipal mereka daripada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Bagi firma broker saham seperti ini yang sebelum ini sudah tentu meraih untung yang begitu besar di BSKL sewaktu zaman kegemilangan pasaran saham tempatan, paling utama yang perlu diambil kira oleh sesebuah negara ialah kepentingan pelabur portfolio asing seperti mereka. Bagi mereka, kepentingan mereka adalah segala-galanya. Mereka tidak hirau apa yang akan berlaku kepada rakyat atau perniagaan tempatan. Mereka hanya mahu kerajaan sesebuah negara memastikan mereka tetap dapat meraih keuntungan sebesar yang boleh.

Berikutan itu, kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Hari Krismas bahawa Malaysia semakin pulih daripada kegawatan mungkin hanya akan diterima dengan sinis oleh pihak pelabur portfolio asing. Pemulihan ekonomi Malaysia tidak bermakna kepada pelabur portfolio asing selagi kawalan tukaran asing berpilih Malaysia tidak ditarik balik. Untuk memuaskan hati naluri mereka sebagai spekulator, pelabur portfolio ini mahukan suasana yang tidak terbatas kembali semula supaya mereka boleh merobek ekonomi sesebuah negara dalam usaha mencari untung bagi dana yang mereka uruskan.

Namun, demi menjaga kepentingan rakyatnya sendiri, Malaysia pada 1 September lalu menongkah arus dengan langkah drastiknya. Meskipun, hanya beberapa bulan sudah berlalu hasilnya sudah mula dilihat dan dinikmati sekarang. Antara indikator utama yang membayangkan pemulihan semakin muncul ialah imbalan perdagangan Malaysia bagi 10 bulan pertama tahun ini mencecah RM44.5 bilion yang melebihi unjuran RM35 bilion yang dibuat dalam belanjawan.

Bagi seluruh tahun, ia dijangka mencapai RM55 bilion, iaitu RM20 bilion melebihi anggaran asal. Bagi akaun semasa, Malaysia mencatat lebih RM29 bilion sehingga September, lebih tinggi daripada RM20 bilion yang dianggarkan dalam belanjawan. Bagi seluruh tahun, ia boleh mencapai RM40 bilion. Rizab luar negara pada akhir Ogos, berjumlah RM20.2 bilion tetapi pada 15 Disember lalu, ia meningkat secara mendadak kepada RM24.7 bilion. Jumlah ini lebih daripada mencukupi untuk membiayai import selama empat bulan.

Pemberhentian kerja yang sebelum ini memang mengganggu pemikiran kebanyakan pekerja sudah jauh berkurangan. Kini purata hanya 5,000 pekerja berhenti berbanding 12,000 dalam Julai lalu. Salah satu lagi tanda memberangsangkan yang mencerminkan keyakinan pelabur sudah mula pulih ialah jumlah penjualan kereta. Jumlah kereta penumpang yang dijual

melonjak kepada 15,373 bulan lalu berbanding 5,641 unit yang dijual pada Februari.

Berkat langkah berani kerajaan dan juga usaha gigih rakyat, tanda-tanda pemulihan ekonomi sudah muncul. Kita berpendapat pengorbanan yang dibuat sebahagian besar rakyat demi memulihkan ekonomi negara, perlu juga dicontohi oleh individu pemastautin negara ini yang belum lagi membawa balik pendapatan yang diperolehi di luar negara.

Menurut perangkaan yang dikeluarkan kelmarin, sejak dasar pengecualian cukai atas pendapatan yang diperolehi di luar negara diberi Mei lalu, hanya 246 individu membawa balik sejumlah RM180.518 juta ke Malaysia, sedangkan sebelum ini dianggarkan berbilion-bilion wang rakyat negara ini disimpan di luar.

Memang benar kadar faedah negara ini rendah dan mungkin ini menjadi alasan bagi mereka ini tidak membawa pulang wang. Namun, Malaysia menawarkan banyak lagi peluang pelaburan lain seperti hartanah yang mana harganya sudah jatuh ke tahap sangat menarik. Kita berharap mereka mengambil peluang pelaburan ini dan sama-sama membantu memulihkan ekonomi negara.

(END)